

[JPA. (S) 2538/91/Jld. 2.]

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 17 TAHUN 1975¹

PERUBAHAN TANGGAGAJI PEGAWAI KERANI KANAN

Kerajaan telah meluluskan pindaan tanggagaji Pegawai Kerani Kanan mulai dari 1hb Mei, 1975 seperti berikut:

Tanggagaji Sekarang	Tanggagaji Baru
Pegawai Kerani Kanan :	Pegawai Kerani Kanan :
\$600 × 25-800	\$720 × 40-840

Pindaan ini juga melibatkan semua jawatan-jawatan yang digredkan semula oleh Suruhanjaya Gaji Suffian sebagai Pegawai Kerani melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/70 dan lain-lain jawatan yang menggunakan struktur dan tanggagaji yang serupa dengan jawatan Kerani.

Pemindahan Gaji

2. Sifir Pemindahan Gaji adalah seperti di Lampiran "A" kepada Pekeliling Perkhidmatan ini.

Tarikh Kenaikan Gaji

3. Tarikh kenaikan gaji adalah tidak berubah kecuali dalam kes di mana dua atau lebih matagaji atas tanggagaji sekarang berpindah kepada satu matagaji atas tanggagaji baru. Dalam kes yang demikian tarikh kenaikan gaji adalah berubah menurut rumusan di Lampiran "B" dan "B1".

DATUK ABDULLAH BIN MOHD. SALLEH,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
BANGUNAN U.M.B.C.,
KUALA LUMPUR,
9hb Julai, 1975.

CATATAN:

¹ Dibatalkan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/77 bertarikh 31hb Mac, 1977.